

KICAUAN^{17/18} Edisi Pertama



by FLASH team. for more info: www.k2.upm.my

Selamat Datang Pelajar Baru

Penyesuaian kehidupan kolejiat baru di universiti dan kolej kediaman dibantu oleh barisan Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kedua sebagai fasilitator sepanjang Minggu Perkasa Putra (MOU) bermula dari 6 September sehingga 10 September.



MPPMTM



Dengan ucapan beribu terima kasih atas sumbangan barisan MTM Kolej Kedua Sesi 2016/2017. Majlis Pembubaran dan Perlantikan Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kedua sesi 2017/2018 telah tamat pada 18 September 2017 dengan sempurna. Program tersebut turut disokong kuat oleh kolejiat.

Yss-MoEs



Mengucapkan tahniah kepada kedua-dua mahasiswa yang terpilih untuk mewakili UPM ke Laos bawah program YSS. Program ini melibatkan 50 pelajar sukarelawan dari pelbagai institusi pelajaran tinggi Malaysia untuk tujuan memupuk kesukarelawan pelajar untuk menjadi pemimpin.

MALAM TUNAS BUDAYA



Malam Tunas Budaya (MTB) tahun ini yang bertema "Aku Negaraku" telah tamat pada 16 September dengan sempurna atas kerjasama antara kumpulan peserta MTB dari Kolej Kedua dan KOSSAS serta bimbingan senior-senior yang berpengalaman.



FAMILY DAY

Hari Keluarga anjuran barisan MTM Kolej Kedua telah bermula pada 25 September 2017. Nama-nama keluarga pada tahun ini diberikan bersempena nama novel buku-buku lama seperti Simpang Perinang, Sukma Angin, Anak Titiwangsa dan Rantau Selamat. Pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang Hari Keluarga seperti Sukaneka, Busana, Dikiria dan Sketsa.

Alumni Foundation Talk 3.0

Sekretariat Alumni dan Kerjaya Kolej Kedua telah menjayakan program Alumni Foundation Talk 3.0 pada 1 Oktober 2017 dengan bantuan kolegiat Kolej Kedua dengan jayanya. Alumni Kolej Kedua yang hadir pada hari tersebut adalah Encik Jamaludin Salim, Encik Azli Zin, Prof. Madya Dr. Ahmad Naim Ismail dan Presiden Persatuan Alumni UPM iaitu YAM Dato Seri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamahullail. Dalam program tersebut mereka telah membincangkan tentang tanggungjawab kita sebagai mahasiswa. Mereka juga menceritakan pengalaman mereka sehingga mereka berjaya. Program tersebut sedikit sebanyak telah merangsang minat kepada kolegiat kolejgiat Kolej Kedua.



SUKOL-Basketball Lelaki

Pertandingan Basketball Lelaki SUKOL antara Kolej Kedua dan KTDI telah dilangsungkan pada 29 September 2017. Pasukan K2 berjaya melangkah ke suku akhir setelah tiga tahun penantian walaupun tewas ke atas KTDI.



